

# UA mampu tersenarai 100 universiti terbaik

► Pelbagai program dirangka capai sasaran menjelang 2020

Oleh Haika Khazi  
mfazul@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kementerian Pendidikan berada di landasan tepat bagi memastikan ada universiti awam (UA) dapat menjadi salah satu daripada 100 universiti terbaik di dunia, menjelang tahun 2020.

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata sasaran itu mampu dicapai dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2015-2025

(Pendidikan Tinggi) yang dilancarkan pada 7 April lalu.

Beliau berkata, sasaran berkenaan tidak mustahil untuk dicapai berikutan kebanyakan UA berjaya melonjakkan kedudukan masing-masing dalam penilaian Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings (QS Rankings) dikeluarkan baru-baru ini.

**Kedudukan UM meningkat**

Sebagai contoh, kedudukan Universiti Malaya (UM) meningkat daripada 167 pada tahun 2013 kepada 151 pada tahun 2014; Universiti Kebangsaan Malaysia (269 kepada 259); Universiti Teknologi Malaysia (355 kepada 294), Universiti Sains Malaysia (355 kepada 309) dan Universiti Putra Malaysia (411 kepada 370).

"UM berjaya mengatasi kedudukan universiti terkemuka seperti University Exeter, Universiti

Politeknik Hong Kong, Universiti Michigan, Universiti Tel Aviv, Universiti Georgetown Washington DC, Institut Teknologi India Mumbai, Universiti George Washington, Universiti KMIT dan Universiti Curtin.

"Ini menunjukkan kedudukan universiti di Malaysia bukanlah teruk sangat, masih boleh mencapai 100 terbaik dunia. Oleh itu berilah masa kepada kita dua hingga tiga tahun lagi, saya percaya ada universiti kita akan mencapai 100 terbaik di dunia," katanya ketika menjawab soalan salah seorang peserta program "Tanya Gomen bersama Menteri Pendidikan II di sini, semalam.

Idris berkata Malaysia juga memiliki seramai 537 pensyarah yang berkhidmat di UA yang berkelulusan Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD) daripada 20 universiti terbaik di dunia.

Dalam perkembangan lain, Id-



Idris (kanan) ketika program #Tanya Gomen bersama Menteri Pendidikan II di Content Malaysia Pitching Centre, Stesen Sentral, Kuala Lumpur, semalam.  
(FOTO MULJADALI ZULKIFLI/BH)

ris berkata kerajaan tidak berhasrat menambah bilangan UA, sebaliknya akan menambah baik kualiti dan fungsi IPT sedia ada, termasuk menaikkan taraf pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara ke tahap lebih tinggi.

Katanya, ketika ini terdapat 20 UA di Malaysia, termasuk empat universiti teknikal iaitu Universiti

Malaysia Pahang (UMP); Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Johor.

Beliau berkata kerajaan berhasrat menambah bilangan politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional untuk membantu meningkatkan pendidikan dalam bidang TVET di negara ini.